

SIARAN MEDIA

SENTUHAN KASIH KPKT DITERUSKAN DI PULAU PINANG DENGAN PENYALURAN PERUNTUKAN RM211 JUTA

PULAU PINANG, 23 Jun 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menghadiri Majlis Penyerahan Peruntukan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) bertempat di Dewan Bandaran (*Town Hall*) Majlis Bandaraya Pulau Pinang pagi ini.

Dalam majlis tersebut, peruntukan TPPM telah disampaikan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang melibatkan 14 JMB/MC dalam kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 8 JMB/MC dalam kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Sementara itu, penyerahan peruntukan PPP turut disampaikan kepada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

TPPM merupakan inisiatif kerajaan yang bertujuan untuk membantu JMB/MC dalam membiayai kerja-kerja baikpulih dan penyelenggaraan perumahan kos rendah berstrata. Antara tanggungjawab Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan (JMB/MC) sebagaimana di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) adalah memastikan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan umum perumahan berstrata dilaksanakan secara berkala dan mengikut keperluan. Namun begitu, Kerajaan Persekutuan amat prihatin tentang kekangan kewangan JMB/MC dalam membiayai kos penyelenggaraan yang tinggi. Justeru, kerajaan yakin tabung ini dapat membantu meringankan beban kos-kos penyelenggaraan seperti penggantian/menaiktaraf lif, pembaikan tangki air serta pembaikan bumbung.

KPKT telah meluluskan sebanyak RM9.62 juta kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi peruntukan penyelenggaraan di bawah tabung Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) bagi tahun 2023. Sebanyak tujuh projek telah diluluskan di bawah Penyelenggaraan Perumahan (PPP) dengan jumlah RM2.86 juta untuk membantu penyelenggaraan di lima perumahan awam

manakala 22 projek di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) berjumlah RM6.76 juta untuk membantu perumahan berstrata kos rendah.

Peruntukan ini akan membantu kerja-kerja pembaikan yang merangkumi kerja-kerja menaiktaraf bumbung, pembaikan tangki air serta menaiktaraf lif yang akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai dan juga Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

Dalam majlis yang sama, YB KM turut mengumumkan cadangan pembinaan 1000 unit PPR di Pulau Pinang dengan peruntukan sebanyak RM200 juta di lokasi tapak tanah bersesuaian yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

YB KM juga telah mengadakan sesi lawatan ke tapak cadangan Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Kota Giam, Astaka Taman Tun Sardon, Kolam Takungan Banjir Hilir Sungai Pinang, Taman Bandaraya MBPP, Tapak Tanah PR1MA Teluk Kumbar dan Pejabat Persatuan Bomba Sukarela Taman Sukun, Bukit Mertajam bagi meninjau kemudahan asas dan keperluan berkaitan bagi setiap lokasi tersebut. Sebanyak 10 projek dengan jumlah keseluruhan RM1.785 juta diluluskan kepada MBPP bagi tahun 2023. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan bagi negeri Pulau Pinang di bawah MBPP dan MBSP adalah berjumlah RM2.9 juta pada tahun ini.

Jumlah peruntukan yang telah diumumkan ini meliputi beberapa projek seperti berikut;

1. Menyelenggara kolam takungan di hilir Sungai Pinang, Daerah Timur Laut;
2. Menyelenggara kolam takungan di Kampung Rawa, Daerah Timur Laut;
3. Membina baharu 6 unit kiosk di Padang Kota Lama, Jalan Padang Kota Lama;
4. Membina baharu 4 unit kiosk di tapak penjaja Taman Sri Manggis;
5. Membina baharu 10 unit kiosk di tapak PSS Desa Anggun;
6. Membina baharu 8 unit kiosk di tapak PSS Hadapan Pasar Jalan Tengku Jelutong;
7. Membina baharu 4 unit kiosk di tapak penjaja Taman Free School;
8. Membina baharu 3 unit kiosk di tapak penjaja Taman Sri Sayang;
9. Membina baharu 10 unit kiosk di Pasar Malam Jalan Batu Ferringhi; dan
10. Menaik taraf dan kerja-kerja berkaitan di Astaka Taman Tun Sardon.

Menurut YB KM, “Kerajaan Persekutuan yakin ‘sentuhan kasih KPKT’ yang telah diberikan adalah berdasarkan keperluan menerusi inisiatif KPKT dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat Negeri Pulau Pinang terus terpelihara.” Tambah beliau, “Keseluruhan peruntukan naik taraf kemudahan awam dan infrastruktur ini merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar dan Desa; Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; Dato' Mohd Fadzli Bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan; YBhg. Dato' Ir. Rajendran A/L Anthony, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang; YBhg. Dato' Azhar Bin Haji Arshad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

